

Rasuah: Pegawai dipenjara 2 tahun

Oleh Ridzuan Yop

IPOH: Seorang pegawai penempatan tanah di Pejabat Tanah dan Daerah Perak Tengah dijatuhkan hukuman penjara dua tahun dan denda RM460,000 selepas didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi terhadap tiga tuduhan rasuah membabitkan RM92,000, tiga tahun lalu.

Mohd Yusof Ishak, 45, dibebaskan oleh Mahkamah Sesyen di sini, tahun lalu, selepas didapati tidak bersalah terhadap tiga tuduhan ra-

PERTUDUHAN

- Mohd Yusof dituduh menerima RM32,000 daripada Loh Ah Oh di Lot 4143 Simpang Empat, Kampung Gajah pada 23 April 1999.
- Dituduh terima RM38,000 daripada Loh di Jalan Changkat Jong, pada 15 Jun 1999.
- Dituduh terima RM22,000 daripada Loh di tempat sama.

suah terhadapnya.

Bagaimanapun, pihak pendakwa raya mengemukakan rayuan berhubung keputusan kes berkenaan ke Mahkamah Tinggi di sini.

Semalam, Hakim V T Singham ketika menjatuhkan hukuman itu berkata, beliau mendapati Mohd Yusof bersalah terhadap semua tiga tuduhan rasuah berkenaan.

Singham berkata, Mahkamah Sesyen menjatuhkan hukuman tidak bersalah sebelum ini tersilap kerana berpendapat wang diterima Mohd Yusof

BH 1/12

sebagai bayaran yuran kerana bertindak sebagai broker tanah sambilan.

Wang itu dikatakan sebagai sogokan kepada Mohd Yusof untuk meluluskan permohonan sebidang tanah di Chenderung Kelubi di Daerah Perak Tengah kepada Syarikat Pelita Semarak yang dimiliki Loh.

Singham membenarkan permohonan Mohd Yusof untuk menangguhkan hukuman sementara menunggu kes berkenaan didengar di Mahkamah Rayuan.